

Konsep *Ru'yah Allah* (S.W.T) Dari Perspektif Pemikiran ‘Ali bin Abi Talib (k.w)

Oleh:

Prof. Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Abstract

This article tries to discuss the vision of Allah (*Ru'ya Allah*) from the perspective of ‘Ali’s thought. ‘Ali bin Abi Talib is chosen because he is among the best Muslim thinkers after the demise of the Holy Prophet Muhammad (s.‘a.w). The topic is quite relevant with our current Islamic Thought. Many relevant books used in this article in order to get a clear picture on ‘Ali’s viewpoints, and the best to be referred to is *Kitab Nahj al-Balaghah*. It comprises the sayings of ‘Ali bin Abi Talib, as collected by al-Sharif al-Radi. Although there will be different views and opinions among Muslim thinkers from various sects on the topic, but generally they agreed that ‘Ali is the best scholar to refer to. Hopefully, this article will benefit Muslims in Malaysia and elsewhere.

1. Introduksi.

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan konsep *Ru'yah Allah* yang merupakan salah satu isu atau problem yang bersifat kontroversi yang muncul dalam pemikiran Islam selepas zaman kenabian Muhammad (s.‘a.w) berakhir. Walaupun ia bukanlah isu utama pada zaman Nabi (s.‘a.w), tetapi akibat kegagalan umat Islam sendiri memperhatikan persoalan-persoalan seperti ini dan dengan kemunculan mazhab-mazhab dalam Islam khususnya yang melibatkan persoalan akidah, usuluddin, ilmu kalam dan falsafah, akhirnya ia terus menjadi persoalan besar sehingga ke hari ini dan masih belum selesai atau masih belum dapat diselesaikan dalam suatu kesatuan pendapat yang berasaskan suatu kesatuan Islam itu sendiri. Dewasa ini, pendapat atau dengan kata-kata lain, akidah yang dianuti umat Islam lebih mencerminkan pendirian dan pendapat tokoh dan mazhab masing-masing.


Dalam artikel ini perbincangan mengenai konsep tersebut cuba diperhatikan dan dianalisis berdasarkan perspektif pemikiran ‘Ali bin Abi Talib (r.‘a) sebagai salah seorang tokoh yang boleh dianggap mewakili generasi awal Islam dan mendapat pendidikan langsung daripada Nabi Muhammad (s.‘a.w) sendiri. Bagaimanapun, dalam konteks sumber yang digunakan sebagai bahan-bahan rujukan, tumpuan secara khusus akan diberikan kepada pendapat ‘Ali bin Abi Talib bersumberkan khutbah-khutbah yang pernah diungkapkan dan

direkodkan oleh para ulama dalam kitab *Nahj al-Balaghah* yang telah disyarahkan oleh tokoh-tokoh pemikir Islam daripada pelbagai tokoh dan aliran pemikiran (mazhab), termasuklah tokoh pemikir mutakhir, Muhammad ‘Abduh sendiri.

2. Pengertian *Ru’yah* dari segi bahasa:


Pada asalnya, perkataan *ru’yah* merujuk kepada pandangan (*nazr*) dan penglihatan (*al-absar*) dengan mata (*‘ain*) ataupun hati (*basirah*) terhadap sesuatu yang manusia lihat.¹ Ibn Manzur dan juga Fairuzabadi mengatakan *ru’yah* boleh merujuk kepada melihat dengan mata atau dengan mata hati.² Al-Raghib dan Lane menghuraikan bahawa perkataan *ru’yah* boleh diberikan beberapa maksud di antaranya:

Pertama: melihat dengan pancaindera mata (kasar) berdasarkan ayat al-Qur'an yang bermaksud:



“ nescaya kamu benar-benar akan melihat neraka Jahanam.”³

Kedua: Melihat dengan sesuatu yang digunakan untuk tujuan yang sama seperti organ atau deria penglihatan, berdalilkan ayat al-Qur'an yang bermaksud:



“ Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mu’min akan melihat (*fa-sa-yara*) pekerjaanmu itu,”⁴

Ini kerana pengertian mata atau penglihatan tidak boleh disifatkan kepada Allah.

Ketiga: melihat dengan andaian, khayalan atau sangkaan berdasarkan ayat al-Qur'an yang bermaksud:

1 Ibn Faris, *Mu’jam*, II, h.472-473; E.W.Lane, *Lexicon*, III, h.998.

2 Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, XIV, h.291; Fairuzabadi, *al-Qamus al-Muhit*, III, h.361.

3 Al-Qur'an, surah al-Takathur (102): 6.

4 Al-Qur'an, surah al-Tawbah (9): 105.

وَلَوْ تَرَى إِذْ يَتَوَفَّى الَّذِينَ كَفَرُوا أَلْمَلِكَةُ يَضْرِبُونَ وُجُوهَهُمْ

وَأَدْبَرَهُمْ وَذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ

“ Rasakanlah olehmu siksa neraka yang membakar (tentulah kamu akan merasa ngeri).”⁵

Keempat: Melihat dengan pertimbangan pemikiran berdalilkan ayat al-Qur'an yang bermaksud:

إِنِّي أَرَى مَا لَا تَرُونَ

“ Sesungguhnya saya dapat melihat (*ara*) apa yang kamu sekalian tidak dapat melihat.”⁶

Kelima: Melihat dengan akal, hati ataupun keruhanian berdalilkan ayat al-Qur'an yang bermaksud:

مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَى

“ Hatinya tidak mendustakan apa yang dilihatnya (*ma ra'a*).”⁷

Secara keseluruhannya, perkataan *ru'yah* boleh merujuk kepada sesuatu yang dilihat sama ada berbentuk fizikal mahupun spiritual dengan menggunakan perantaraan mata, daya khayalan, pertimbangan, akal mahupun hati.

3. Pengertian *Ru'yah* dari segi istilah:

Konsep *ru'yah* yang berkaitan dengan persoalan melihat Allah (s.w.t) [*ru'yah Allah*], ia boleh dilihat daripada pelbagai perspektif termasuklah pendapat tokoh dan aliran pemikiran dalam Islam.

Bagi melihat pandangan daripada salah seorang tokoh generasi terawal Islam, berikut dikemukakan pandangan ‘Ali bin Abi Talib (r.’a). Dalam konteks perbincangan ini, beliau (r.’a) berpendapat bahawa Allah (s.w.t) tidak boleh dilihat oleh penglihatan mata kasar sama

5 Al-Qur'an, surah al-Anfal (8): 50.

6 Al-Qur'an, surah al-Anfal (8): 48.

7 Al-Qur'an, surah al-Najm (53): 11; Lihat: E.W.Lane, *Lexicon*, III, h.998; al-Raghib, *Mufradat*, h.206.

sekali, sebaliknya *ru'yah* yang boleh berlaku adalah dengan cara mengambil pengajaran (*al-i'tibar*) terhadap kebesaran Allah (s.w.t). Beliau (r.'a) menafikan Allah (s.w.t) boleh dilihat bukan sahaja di dunia bahkan juga di akhirat.⁸

Aliran terawal dalam konteks perkembangan pemikiran Islam diwakili oleh Ahl al-Tawhid wa al-'Adl atau lebih dikenali sebagai al-Mu'tazilah yang pada umumnya dianggap mewakili aliran dan golongan rasionalis. Mereka mengatakan bahawa Allah (s.w.t) tidak boleh dicapai atau dilihat oleh makhluk-Nya dengan menggunakan perantaraan pancaindera mata (*al-absar*) di dunia dan di Akhirat (*dar al-Qadar*).⁹ Salah seorang tokoh besar dalam aliran ini, Qadi 'Abd al-Jabbar menjelaskan penafian tersebut adalah kerana Allah (s.w.t) tidak mengisi ruang dan tempat.¹⁰

Bagaimanapun dalam persoalan melihat Allah dengan mata hati, mereka pada umumnya pula berbeza pendapat. Abu al-Hudhayl al-'Allaf dan kebanyakan tokoh yang lain dalam aliran ini berpendapat Allah (s.w.t) dikatakan boleh dilihat dengan hati (*qulub*) atau mata hati dengan pengertian bahawa manusia dapat mengenali atau mengetahui-Nya dengan hati atau mata hati.¹¹

Seterusnya aliran al-Asya'irah yang merupakan salah sebuah komponen utama dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang pada umumnya mewakili aliran dan golongan konservatif dan ortodoks berpendapat bahawa *ru'yah* adalah merujuk kepada Allah (s.w.t) yang dapat dilihat oleh makhluk dengan menggunakan perantaraan mata (kasar). Bagaimanapun mereka mengatakan Allah (s.w.t) hanya tidak boleh dilihat dengan mata (*al-absar*) di dunia sahaja tetapi Dia (Allah) boleh dilihat di Akhirat kelak.¹²

Aliran al-Maturidiyyah yang juga merupakan salah sebuah komponen utama dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah turut mempunyai pendapat mereka yang tersendiri, dengan tokoh utamanya, al-Bazdawi dikatakan berpendapat Allah (s.w.t) boleh dilihat walaupun Dia tidak mempunyai bentuk dan tidak pula mengisi ruang.¹³

Aliran al-Salafiyyah, *Ashab al-Hadith* atau al-Hasyawiyyah yang mewakili aliran ultra-ortodoks dikatakan bersepandapat dengan mereka kerana mereka turut mengatakan Allah (s.w.t) boleh dilihat dengan mata (*al-absar*) pada Hari Kiamat seperti melihat bulan purnama pada waktu malam. Orang-orang mu'min boleh melihat-Nya tetapi sebaliknya pula

8 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, IV, h.31; al-Saduq, *Amali*, h.129; al-Syirazi, *Tawdih*, III, h.81.

9 Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.14; A.J.Wensinck, *The Muslim Creed*, h.63.

10 'Abd al-Jabbar, *Syarh Usul al-Khamsah*, h.248-253; D.B.MacDonald, *Development*, h.145.

11 Al-Asy'ari, *Maqalat*, I, h.238, 289; al-Syahrastani, *al-Milal*, I, h.45; Ibn Hazm, *al-Fisal*, III, h.2; M.S.Seale, *Muslim Theology*, h.46-47.

12 Al-Asy'ari, *al-Ibanah*, h.33-52; al-Bayhaqi, *al-I'tiqad*, h.58; al-Baghdaadi, *Usul al-Din*, h.98; al-Iji, *al-Mawaqif*, h.299; al-Darimi, *al-Radd 'ala al-Jahmiyyah*, h.45-58.

13 Al-Bazdawi, *Usul al-Din*, h.77.

bagi orang-orang kafir, kerana Allah (s.w.t) dikatakan terlindung (*mahjub*) daripada mereka.¹⁴

Dalam konteks kepelbagaian aliran dan metodologi yang ada di kalangan kaum muslimin, berikut dikemukakan pendapat-pendapat mereka secara ringkas. Jahm bin Safwan, aliran al-Khawarij dan sebahagian aliran al-Murji'ah berpendapat Allah (s.w.t) tidak boleh dilihat di Akhirat,¹⁵ sedangkan Ibn Hazm, Dirar dan sebahagian al-Murji'ah yang lain berpendapat Allah (s.w.t) boleh dilihat di Akhirat dengan *qudrat* yang istimewa, manakala golongan al-Mujassimah, termasuklah Da'ud al-Zahiri pula berpendapat Allah (s.w.t) boleh dilihat di kedua-dua, dunia dan akhirat.¹⁶

Secara perbandingan, persoalan *ru'yah* Allah menimbulkan polemik pemikiran yang agak meluas dan mendalam di kalangan para pemikir dan mazhab dalam Islam. Secara umumnya, terdapat tiga pendapat dikemukakan oleh para ulama dan pemikir muslim:

Pertama: Sebahagian berpendapat Allah (s.w.t) boleh dilihat dengan mata (kasar) di kedua-dua tempat, dunia dan akhirat.

Kedua: Sebahagian berpendapat Allah (s.w.t) boleh dilihat dengan mata (kasar) di akhirat sahaja, sebaliknya Dia (Allah) tidak boleh dilihat di dunia.

Ketiga: Sebahagian berpendapat Allah (s.w.t) tidak boleh dilihat dengan mata (kasar) di kedua-dua tempat, dunia dan di akhirat. Dalam konteks ini, 'Ali bin Abi Talib (r.'a) kelihatan termasuk dalam kelompok ketiga ini.

'Ali bin Abi Talib (r.'a) dan kebanyakan tokoh dan aliran lain yang bersepandapat dengannya mengatakan Allah (s.w.t) adalah mustahil sama sekali untuk dilihat di dunia dengan perantaraan mata (*al-absar*). Namun, mengenai *ru'yah* Allah di akhirat, kelihatan perselisihan pendapat wujud dengan ketara. 'Ali bin Abi Talib (r.'a), diikuti beberapa golongan tertentu di kalangan golongan rasionalis termasuklah al-Mu'tazilah tetap menafikannya dan menolak perkara tersebut, sedangkan tokoh-tokoh dan aliran-aliran lain membolehkannya dengan hujah dan dalil masing-masing.

Berhubung dengan persoalan *al-ru'yah*, al-Qur'an mengemukakan beberapa dalil terdiri daripada ayat-ayat *muhkamat* dan *mutasyabihat*. Dalil-dalil *muhkamat* memang dapat dilihat dengan ketara dalam al-Qur'an dalam jumlah yang jauh lebih besar. Di antara dalil-dalil *muhkamat* yang dapat diperhatikan adalah seperti berikut:

14 Al-Asy'ari, *Maqalat*, I, h.346-347; Ibn Hanbal, *Kitab al-Sunnah*, h.42-51; al-Sily, *al-'Aqidah al-Salafiyyah*, h.65; M.S.Seale, *Muslim Theology*, h.113. Lihat: Al-Qur'an, surah al-Hijr (15): 83.

15 Ibn Hazm, *al-Fisal*, III, h.2; A.J.Wensinck, *The Muslim Creed*, h.63-64; al-Asy'ari, *ibid*, I, h.233; al-Malati, *Tanbih*, h.96.

16 Ibn Hazm, *ibid*, III, h.2; al-Razi, *Muhsas*, h.135; Nasir al-Din al-Tusi, *Kasyf al-Murad*, h.321; A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.104.

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَرُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَرَ

Pertama: “ Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan.”¹⁷

قَدْ جَاءَكُم بَصَائِرٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ فَمَنْ أَبْصَرَ فَلِنَفْسِهِ

وَمَنْ عَمِّيَ فَعَلَيْهَا وَمَا آتَاكُمْ عَلَيْكُم بِحَفِظٍ

Kedua: “ Sesungguhnya telah datang daripada Tuhanmu bukti-bukti yang terang, maka barang siapa melihat (kebenaran itu) maka (manfaatnya) bagi dirinya sendiri dan barang siapa buta (tidak melihat kebenaran itu) maka kemudaratananya kembali kepadanya.”¹⁸

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

Ketiga: “ Tiada sesuatu pun yang serupa dengan Dia.”¹⁹

وَكَلْمَةُ رَبِّهِ وَقَالَ رَبِّ أَرِنِي أَنْظُرْ إِلَيْكَ قَالَ لَنْ تَرَنِي وَلَكِنْ

اَنْظُرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنْ أَسْتَقَرْ مَكَانَهُ وَفَسَوْفَ تَرَنِي

Keempat: “ Berkatalah Musa, Ya Tuhanku, nampakkanlah (diri Engkau) kepadaku agar aku dapat melihat kepada Engkau. Tuhan berfirman: Kamu sekali-kali tidak sanggup melihat-Ku (*lan tarani*), tetapi melihatlah kepada bukit itu, maka jika ia tetap di tempatnya (sebagai sediakala) nescaya kamu dapat melihat-Ku.”²⁰

17 Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 103; al-A'raf (7): 103.

18 Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 104.

19 Al-Qur'an, surah al-Syura (42): 11.

20 Al-Qur'an, surah al-A'raf (7): 143; al-Hilli, *Nahj al-Haq*, h.46.

Dalil-dalil *mutasyabihat* yang agak kecil bilangannya dalam al-Qur'an pula adalah seperti berikut:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ أَسْتَوَى ﴿٥﴾

Pertama: " Tuhan Yang Maha Pemurah, Yang bersemayam di atas 'Arasy."²¹

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهُهُ وَ

Kedua: " Tiap-tiap sesuatu pasti binasa, melainkan wajah Allah (*wajh*)."²²

مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَى ﴿٦﴾

Ketiga: " Hatinya tidak mendustakan apa yang dilihatnya."²³

Untuk menyelesaikan persoalan ayat-ayat *muhkamat* dan *mutasyabihat* ini dan bagi mencapai suatu kesimpulan dan keputusan, beliau (r.'a) merujuk kepada keterangan al-Qur'an yang bermaksud:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ ءَايَاتٌ مُّحَكَّمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ
وَأُخْرُ مُتَشَبِّهَاتٌ فَمَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ رَيْغٌ فَيَتَبَعُونَ مَا تَشَبَّهَ مِنْهُ
أَبْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَأَبْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ ۚ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلُهُ إِلَّا اللَّهُ وَأَرَى سُخُونَ فِي
الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِ ۖ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا

" Dia-lah yang menurunkan al-Kitab (al-Qur'an) kepadamu. Di antara (isi)nya ada ayat-ayat *muhkamat*, itulah pokok-pokok isi al-Qur'an dan yang lain (ayat-ayat) *mutasyabihat*. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti ayat-ayat *mutasyabihat* daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari takwilnya, padahal tiada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah. Dan orang-orang

21 Al-Qur'an, surah Taha (20): 5.

22 Al-Qur'an, surah al-Qasas (28): 88.


23 Al-Qur'an, surah al-Najm (53): 11.

yang mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepada ayat-ayat *mutasyabihat*, semuanya dari sisi Tuhan kami.”²⁴

Dalam penjelasannya, beliau (r.’a) mengatakan dalil-dalil *muhkamat* yang besar jumlahnya dalam al-Qur’ān membuktikan Allah (s.w.t) tidak dapat dilihat dengan penglihatan mata (kasar). Sebagai pengukuhannya, beliau (r.’a) menegaskan hakikat tersebut:

“ Mata pengamat atau pemerhati (*‘ain al-basir*) tidak dapat melihat-Nya tetapi mata (*‘ain*) yang tidak dapat melihat-Nya tidak pula dapat memungkiri-Nya.²⁵ Allah tidak boleh dicapai penglihatan dengan penyaksian mata (*al-absar*).²⁶ Mata tidak dapat melihat-Nya secara terang-terangan (*al-‘iyan*).”²⁷

Berhubung dengan keterangan Allah (s.w.t) dalam ayat al-Qur’ān yang bermaksud:



“ Hatinya tidak mendustakan apa yang dilihatnya.”²⁸

Beliau (r.’a) menjelaskan: “ Ketika Nabi (s.’a.w) diisra’kan dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa dan dimi’rajkan ke langit sampai ke ‘Arasy, melihat kebesaran Allah menerusi hati atau akal (*fu’ad*) dan bukannya dengan mata (*‘aini-hi*).”²⁹

Walaupun Allah (s.w.t) tidak boleh dilihat dengan mata (kasar) tetapi Dia (s.w.t) masih boleh dilihat oleh orang-orang mu’mīn, apatah lagi golongan *muttaqin* dengan matahati³⁰ atau akal.³¹ ‘Ali bin Abi Talib (r.’a) dikatakan pernah menyebutkan bahawa:

“ aku tidak menyembah Tuhan yang aku tidak dapat melihat-Nya.”³²

Keterangan tersebut menjelaskan bahawa beliau (r.’a) mengatakan Allah (s.w.t) tidak dapat dilihat dengan menggunakan pancaindera mata³³ sebaliknya dilihat dengan penglihatan

24 Al-Qur’ān, surah Ali ‘Imran (3): 7.

25 Muhammad ‘Abduh, *Syarh Nahj al-Balaghah*, h.171; al-Syarif al-Radi, *Nahj al-Balaghah*, (Khutbah no.49), h.87; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, III, h.216.

26 Al-Hurr al-‘Amili, *al-Fusul al-Muhimmah*, h.49; al-Kulayni, *Usul al-Kafi*, h.131-188; Ibn Abi al-Hadid, *ibid*, X, h.64-65.

27 Muhammad ‘Abduh, *op.cit*, h.421; al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, I, h.209; al-Syarif al-Radi, *op.cit*, (khutbah no.179), h.258; Ibn Abi al-Hadid, *ibid*, X, h.64.

28 Al-Qur’ān, surah al-Najm (53): 11.

29 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, III, h.204; al-Saduq, *al-Tawhid*, h.104; al-Muhammadi, *Mizan al-Hikmah*, VI, h.192.

30 Al-Saduq, *ibid*, h.117.

31 Dalil-dalil al-Qur’ān menguatkan kenyataan tersebut, di antaranya: surah al-Baqarah (2): 243; al-Furqan (25): 45; Qaf (50): 22 al-Fil (105): 1.

32 Al-Kulayni, *Usul al-Kafi*, I, h.148-153; al-Saduq, *op.cit*, h.107-122.

matahati menerusi cahaya keimanan (*haqa'iq al-iman*) yang merujuk kepada pengakuan tentang kewujudan, keesaan dan segala sifat-Nya³⁴ seperti dijelaskan dalam keterangan beliau (r.'a) seterusnya:

“Allah boleh dilihat menerusi hati yang melihat-Nya dengan hakikat keimanan (*haqa'iq al-iman*).”³⁵

Dalam keterangan-keterangan yang lain pula, beliau (r.'a) menegaskan lagi:

“ Allah boleh dilihat dengan akal ('aql) yang melihat-Nya dengan hakikat keimanan, diketahui dengan dalil-dalil (*dilalat*), disifati dengan bukti-bukti ('alamat),³⁶ juga dengan tanda-tanda (*ayat*).³⁷ Dia dapat dilihat dengan bukti-bukti ('alamat) pentadbiran-Nya yang kuat (*al-tadbir al-mutqan*) dan ketentuan yang pasti (*al-qada' al-mubram*).”³⁸

Ketidakmampuan melihat Allah (dengan matahati atau akal) adalah disebabkan kelemahan manusia itu sendiri kerana perbuatan dosa dan keingkaran yang banyak dilakukan.³⁹ Ini secara langsung memberikan pengertian bahawa sekiranya manusia memperkuatkan diri mereka dengan amalan keimanan dan ketaqwaan, dan mengelakkan diri daripada amalan dosa dan noda, melihat Allah (s.w.t) dengan cahaya Iman dan Taqwa bukanlah sesuatu yang sukar.

Penafian beliau (r.'a) juga pada kenyataannya boleh dilihat dan bahkan diperkuuhkan dari perspektif akal, kerana sekiranya Dia (Allah) boleh dilihat, sudah tentu Dia (Allah) berada pada suatu arah (*jihah*) yang kemudian memberikan implikasi bahawa Dia (Allah) berjisim. Ini kerana setiap sesuatu yang boleh dilihat, sama ada berada secara bertentangan ataupun saling berhadapan (*fi al-hukm al-muqabil*), seperti imej dalam cermin. Setiap yang berhadapan atau seolah-olah berhadapan berada dalam suatu arah. Justeru itu, sekiranya Dia (Allah) boleh dilihat, sudah pasti Dia (Allah) berada dalam suatu arah, dan beliau (r.'a) menolak kenyataan tersebut.⁴⁰

33 Muhammad 'Abduh, *Syarh Nahj al-Balaghah*, h.431; al-Syarif al-Radi, *Nahj al-Balaghah*, (Khutbah no.183), h.265; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, X, h.113; Ibn Maytham al-Bahrani, *Syarh Nahj al-Balaghah*, II, h.47.

34 Ibn Maytham al-Bahrani, *ibid*, II, h.34; al-Saduq, *op.cit*, h.108-109.

35 Al-Hurr al-Amili, *al-Fusul al-Muhimmah*, h.49; al-Kulayni, *op.cit*, I, h.133-188; Ibn Abi al-Hadid, *op.cit*, X, h.64-66; al-Muhammadi, *op.cit*, VI, h.190.

36 Al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, I, h.209.

37 Muhammad 'Abduh, *Syarh Nahj al-Balaghah*, h.427; al-Syarif al-Radi, *Nahj al-Balaghah*, (Khutbah no.182), h.262; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, X, h.88.

38 Muhammad 'Abduh, *ibid*, h.426; al-Syarif al-Radi, *ibid*, (Khutbah no.182), h.261; Ibn Abi al-Hadid, *ibid*, X, h.81.

39 Al-Saduq, *al-Tawhid*, h.309; al-Muhammadi, *Mizan al-Hikmah*, VI, h.196-197.

40 Al-Hilli, *al-Bab al-Hadi Asyar*, h.36.

Dalil-dalil al-Qur'an yang boleh dikemukakan untuk menafikannya adalah seperti berikut:

Pertama: Ketika Nabi Musa ('a.s) meminta untuk melihat Allah, beliau ('a.s) menerima kata-kata-Nya:

لَنْ تَرَنِنِي

“ Kamu sekali-kali tidak akan dapat melihat-Ku ”⁴¹

Dari perspektif ‘Ali bin Abi Talib (r.’a), perkataan *lan* adalah kalimah penafian yang berkekalan, dan demikianlah keterangan yang dapat difahami menurut pendapat kebanyakan ahli bahasa. Oleh kerana Nabi Musa ('a.s) tidak dapat melihat-Nya, sudah pasti tiada seorang pun dapat melihat-Nya,⁴² dan bahkan baginda ('a.s) sendiri dikatakan mengetahui Allah (s.w.t) tidak boleh dilihat sama sekali.

Kedua: Keterangan Allah (s.w.t) yang bermaksud:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَرُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَرَ

“ Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan.”⁴³

Allah (s.w.t) menyifatkan diri-Nya sendiri dengan menafikan kebolehan mata untuk melihat-Nya. Dengan kata-kata lain, Allah (s.w.t) sendiri mengatakan tiada manusia walau siapa pun mereka, dapat dan berkemampuan melihat diri Allah (s.w.t). Lantaran itu, menurut pandangan ‘Ali bin Abi Talib (r.’a.), ia membuktikan bahawa kenyataan yang menyebutkan bahawa Allah (s.w.t) boleh dilihat tidak dapat dibenarkan dan diterima sama sekali.

Ketiga: Allah (s.w.t) menjadikan persoalan melihat dhat-Nya sebagai sesuatu perkara yang besar dan mengemukakan kesalahan dan bahkan mendatangkan ancaman terhadap kesalahan kata-kata orang yang ingin melihat-Nya berdasarkan firman-Nya yang bermaksud:

فَقَدْ سَأَلُوا مُوسَى أَكْبَرَ مِنْ ذَلِكَ فَقَالُوا أَرِنَا اللَّهَ جَهَرًا

41 Al-Qur'an, surah al-A'raf (7): 143.

42 Ibn Abi al-Hadid, *Syarah Nahj al-Balaghah*, X, h.88; al-Hilli, *al-Bab al-Hadi 'Asyar*, h.36; al-Saduq, *al-Tawhid*, h.121.

43 Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 103.

فَأَخْذُنَّهُمُ الصَّاعِقَةُ بِظُلْمِهِمْ

“ Maka sesungguhnya mereka telah meminta kepada Musa yang lebih besar daripada itu. Mereka berkata: Perlihatkan Allah kepada kami dengan nyata. Maka mereka disambar petir kerana kezalimannya,”⁴⁴ dan juga

﴿وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا لَوْلَا أُنْزِلَ عَلَيْنَا الْمَلَائِكَةُ أَوْ نَرَى رَبَّنَا﴾

﴿لَقَدِ اسْتَكْبَرُوا فِي أَنفُسِهِمْ وَعَتُوا عَتُوا كَبِيرًا﴾

“Berkatalah orang-orang yang tidak menanti-nanti pertemuan(nya) dengan Kami: Mengapakah tidak diturunkan kepada kita malaikat atau (mengapa) kita (tidak) melihat Tuhan kita? Sesungguhnya mereka memandang besar tentang diri mereka dan mereka benar-benar telah melampaui batas (dalam melakukan) kezaliman.”⁴⁵

4. Konklusi:

Secara keseluruhan, artikel ini memperlihatkan pandangan ‘Ali bin Abi Talib (k.w) tentang konsep *Ru’yah Allah* yang diharapkan dapat membantu umat Islam khususnya di Malaysia untuk memahami persoalan ini dan seterusnya menjawab konsep tersebut dengan pemikiran yang positif, terbuka dan bijaksana. Walaupun pada kenyataannya, pendapat tersebut agak berbeza dengan pendapat tradisi kaum muslimin di Malaysia yang majoritinya mengikuti Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah beraliran al-Asy‘ariyyah, namun pada hakikatnya, terdapat minoriti ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah mengikuti pendapat ‘Ali bin Abi Talib (k.w) dan bahkan mengikuti jejak langkahnya dalam persoalan ini.

Pemikiran ‘Ali bin Abi Talib (k.w) adalah berasaskan sumber ilmu yang diperolehnya dan kemudian digarap menerusi metodologi tertentu sehingga akhirnya beliau (r.’a) dapat sampai kepada suatu kesimpulan yang menurut pandangan beliau, selari dan selaras dengan keterangan al-Qur'an dan al-Hadith, diikuti dengan sistem penghujahan, pendalilan dan pembuktianya yang tersendiri. Kelainan tetap wujud tetapi ia bukanlah

44 Al-Qur'an, surah al-Nisa' (4): 153; Nasir al-Din al-Tusi, *Kasyaf al-Murad*, h.322.

45 Al-Qur'an, surah al-Furqan (25): 21.

perpecahan. Kelainan (*al-ikhtilaf*) merupakan suatu bentuk pemikiran sama ada menggunakan cara tertentu atau ubahcara mengikut perspektif yang dilihat dan metodologi yang digunakan, sedangkan perpecahan dalam pemikiran pula merupakan sesuatu yang tidak dibenarkan dalam Islam.